



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 52 / 2018

PELANTIKAN YBHG DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR SEBAGAI SETIAUSAHA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) memaklumkan bahawa YBhg Dato' Mohamed Elias Bin Abu Bakar telah dilantik sebagai Setiausaha SPR yang baharu menggantikan YBhg Datuk Haji Abdul Ghani Bin Salleh yang telah bersara wajib pada 10 Mei 2018.
2. Pelantikan YBhg Dato' Mohamed Elias Bin Abu Bakar sebagai Setiausaha SPR berkuatkuasa pada 21 Mei 2018 dibuat selaras dengan peruntukan Seksyen 3(a) Akta Pilihanraya 1958.
3. YBhg Dato' Mohamed Elias bin Abu Bakar, 58 tahun, berkelulusan dari Universiti Malaya dan beliau mula menyertai Perkhidmatan Awam pada 1 Julai 1983. Sebelum dilantik sebagai Setiausaha SPR, beliau pernah menjawat jawatan-jawatan strategik seperti Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan, Pengarah Penyelidikan dan Dasar, Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Kepenggunaan dan Pengurusan di KPDNKK mulai 24 Mac 2008 hingga 27 April 2014, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia sejak 28 April 2014 hingga 14 Februari 2017 dan seterusnya Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia mulai 15 Februari 2017 hingga 20 Mei 2018.
4. SPR berharap dengan pengalaman beliau yang luas dalam Perkhidmatan Awam, pelantikan YBhg Dato' Mohamed Elias Bin Abu Bakar sebagai Setiausaha SPR yang baharu akan dapat memimpin Urusetia SPR dalam merancang, menyelaraskan dan melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan SPR dengan cekap dan berkesan.

5. Dalam pada itu, SPR juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg Datuk Haji Abdul Ghani Bin Salleh, atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada SPR mulai 19 Ogos 2013 hingga 9 Mei 2018 sebagai Setiausaha SPR.

Sekian dan terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

21 Mei 2018 / 5 Ramadhan 1439H